

1. Isikan tempat-tempat kosong dengan **PENANDA WACANA** yang disediakan di dalam petak.

lantaran itu	oleh sebab itu	akhirnya
namun demikian		walaupun begitu

- a. Dia bersyukur setelah lama sakit, _____ dia sembuh dari penyakit itu.
- b. Kehidupan abang semakin senang. _____ disa tidak pernah lupa membantu keluarganya di kampung.
- c. Rumput dekat gerai itu sudah panjang. _____ para penjaja di situ bergotong-royong membersihkannya.
- d. Kami adik-beradik diberi kebebasan untuk memilih cita-cita. _____ kami tetap meminta pendapat ibu bapa terlebih dahulu.
- e. Orang kaya itu sangat baik hati. _____ penduduk kampung sentiasa menghormatinya.
2. Tuliskan semula senarai **PERKATAAN** yang terdapat dalam petak pada ruangan yang disediakan.

anda	awak	engkau	aku	hamba
kami	beta	saya	kamu	kalian

**KATA GANTI NAMA
DIRI PERTAMA**

**KATA GANTI NAMA
DIRI KEDUA**

3. Lengkapi ayat dengan **PERIBAHASA** yang sesuai di bawah ini.

- bau bacang
- anak emas
- ada hati
- bekas tangan
- berpeluk tubuh

a. keluarga Pak Salleh dengan Pak Gafar sungguh rapat walaupun mereka _____ sahaja.

b. Gubahan bunga itu merupakan _____ seorang pelajar tahun 6.

c. Khairul _____ hendak membeli sebuah kereta tetapi wangnya masih belum cukup.

d. "Kamu tidak sepatutnya _____ sahaja. Cubalah bantu mereka mendirikan tiang itu," kata ayah kepada abang.

e. Shahir merupakan _____ dalam keluarga Pak Osman kerana dialah satu-satunya anak tunggal dalam keluarga itu.

4. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah. Kemudian tuliskan jawapan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Perintah	Ayat Seru	Ayat Penyata	Ayat Tanya
---------------	-----------	--------------	------------

- a. Haji Sulaimankah pengurus restoran yang terkenal dengan masakannya yang enak itu? (_____)
- b. Ayah dan ibu telah berlepas ke Kuala Lumpur pagi tadi. (_____)
- c. Eh, rupa-rupanya Umar yang dating ke rumah saya semalam!
(_____)
- d. Sila buat laporan tentang kejadian semalam kepada pihak polis.
(_____)
- e. Anak siapakah yang berkahwin dengan anak Puan Salmah?
(_____)
- f. "Tolong tutup semua jendela sebelum tidur," kata pengawas asrama kepada para pelajar. (_____)
- g. Jangan masuk ke perpustakaan sehingga kerja-kerja pengubahsuaian selesai dijalankan. (_____)
- h. Rumah banglo yang di atas bukit itu cantik dan besar. (_____)
- i. "Pujuk adik kamu yang menangis itu," kata ayah kepada kakak.
- j. Wah, cantiknya bili bacaan kamu ini! (_____)

5. Tulis semula ayat-ayat di bawah dengan membubuh **TANDA BACA** yang betul.

a. Ayah ibu dan datuk pergi melawat Pakcik Leman, kata abang kepada penghulu.

b. Sebelum pulang kami mengemaskan barang ke dalam kereta

c. arif adalah anak yang ke 5 dalam keluarga Pak Mail.

d. Mei Ling memasukkan anak anak ayamnya ke dalam reban

e. Pak Jusoh bertanya kepada adik, Bilakah awak berangkat ke Australia

6. Isikan tempat-tempat kosong dengan **KATA HUBUNG** yang disediakan dalam petak.

dan	kecuali	kemudian	sebaliknya	atau
-----	---------	----------	------------	------

- a. Aaron tidak jadi menyertai pasukan dikir, _____ dia menyertai kumpulan nasyid.
- b. Maherah akan ke Sarawak _____ akan berada di sana selama dua minggu.
- c. "awak mahu saya bancuhkan kopi _____ the?" tanya Rohana kepada Zahirah.
- d. Semua pasukan sudah bersiap sedia untuk acara perbarisan _____ pasukan merah.
- e. Abang hanya singgah sekejap, _____ Kembali ke tempat kerjanya semula.